

Kesan IAS terhadap Sektor Pertanian

Kehadiran IAS sama ada serangga, haiwan, rumpai atau patogen penyakit mampu menjelaskan hasil pertanian dan bekalan makanan dalam negara. Tanaman yang diserang mungkin tidak mempunyai ketahanan terhadap serangan IAS. Ketiadaan musuh semulajadi seperti pemangsa atau pesaing di kawasan baru akan menyebabkan populasi IAS ini meningkat dan tersebar dengan cepat.

Kehadiran IAS boleh memberikan kesan negatif terhadap ekonomi melalui peningkatan kos pengeluaran atau kehilangan hasil sama ada secara langsung atau pun secara tidak langsung.

Antara IAS yang telah memasuki negara dan menyebabkan kerosakan terhadap tanaman dan menjelaskan sektor pertanian termasuklah Siput Gondang, Ulat Pengorek Buah Koko, Rumpai Parthenium, Kumbang Merah Palma, Hawar Bulir Bakteria dan Penyakit Layu Bakteria Pisang.

Secara Langsung:

- ◆ Kehilangan hasil akibat serangan perosak tanaman.
- ◆ Kemerosotan kualiti hasil pengeluaran.
- ◆ Sekatan terhadap eksport hasil pertanian
- ◆ Peningkatan kos untuk kawalan dan penghapusan IAS

Secara Tidak Langsung:

- ◆ Kawasan yang sesuai untuk aktiviti pertanian berkurangan.
- ◆ IAS akuatik boleh menjelaskan industri akuakultur serta mengganggu sistem pengairan pertanian.
- ◆ Kemerosotan produktiviti (masa dan sumber perlu diperuntukkan bagi pengurusan IAS)

BAGAIMANA KITA DAPAT MENCEGAH PENYEBARAN IAS?

- ◆ Bersihkan peralatan dan jentera pertanian sebelum digunakan di lokasi berlainan.
- ◆ Bersihkan pakaian dan peralatan daripada tanah dan bahagian tumbuhan selepas menjalani aktiviti luar.
- ◆ Jangan bawa bersama tumbuhan, bahagian tumbuhan, biji benih, haiwan, serangga, tanah atau media tanaman ketika pulang dari luar negara.
- ◆ Pastikan tanaman hiasan atau haiwan kesayangan yang dibeli bukannya IAS.
- ◆ Pastikan aktiviti pengimportan tumbuhan, produk tumbuhan dan artikel terkawal bebas daripada IAS dengan mengikuti syarat pengimportan yang telah ditetapkan.
- ◆ Jangan buang tumbuhan eksotik ke sungai, tasik atau kolam.

**LAPORKAN KEPADA
PEJABAT PERTANIAN BERHAMPIRAN
JIKA IAS DIKESAN
DI KAWASAN ANDA**

E-mel: iassecretariat@doa.gov.my



**ANCAMAN
Spesies Asing Invasif
(Invasive Alien Species – IAS)
Kepada Sektor Pertanian Negara**



APAKAH ITU IAS?

- ◆ Sebarang tumbuhan, haiwan atau mikroorganisma yang tersebar di luar kawasan sebaran semulajadinya, dan kehadirannya di habitat baru memberikan impak negatif sama ada kepada keseimbangan ekosistem, sosioekonomi atau kesihatan.

BAGAIMANA IAS TERSEBAR?

Secara Sengaja

- ◆ Pengimportan tumbuhan eksotik sebagai hiasan/ hobi.
- ◆ Penyeludupan benih/ bahan tanaman dari luar negara.
- ◆ Spesies asing yang asalnya dibawa masuk disebabkan nilai ekonominya atau sebagai agen kawalan biologi perosak.

Secara Tidak Sengaja

- ◆ Dibawa bersama komoditi perdagangan atau bahan pembungkusan.
- ◆ Pergerakan pelancong dan bagasi.
- ◆ Melekat pada pakaian, jentera atau peralatan yang tidak dibersihkan dengan baik.

Secara Semulajadi

- ◆ Pergerakan haiwan bermigrasi.
- ◆ Bencana alam seperti banjir dan ribut.
- ◆ Perubahan iklim.

IMPAK IAS TERHADAP EKOLOGI DAN BIODIVERSITI

- ◆ Mengganggu komposisi dan keseimbangan ekosistem.
- ◆ Menyebabkan kepupusan spesies tempatan melalui persaingan dan pemangsaan.

ANTARA IAS YANG MENJEJASKAN INDUSTRI PERTANIAN NEGARA




SIPUT GONDANG POMACEA (SGP)

SGP yang berasal dari benua Amerika adalah perosak utama tanaman padi. IAS ini memusnahkan anak pokok padi dan menyebabkan kos pengeluaran padi meningkat. Di Semenanjung Malaysia, kehilangan hasil padi akibat serangan SGP dilanggarkan sebanyak 40,000 tan/ musim

HAWAR BULIR BAKTERIA

Merupakan penyakit utama tanaman padi dan mula dikesan di Sungai Acheh, Pulau Pinang pada tahun 2017 dan kini telah tersebar hampir ke seluruh Semenanjung Malaysia. Penyakit bawaan ini mampu menyebabkan kehilangan 40-70% hasil padi. Perubahan cuaca merupakan faktor penggalak kepada kejadian penyakit ini.



ULAT PENGOREK BUAH KOKO

Larva serangga ini merupakan perosak utama tanaman koko dan menjadi punca utama kemerosotan industri koko negara sejak pertama kali ditemui pada tahun 1980 di Tawau, Sabah. Menjelang tahun 1993, IAS ini telah tersebar ke kawasan penanaman koko di seluruh negara. Tanpa kawalan, serangan boleh menyebabkan kehilangan hasil sehingga 100%.

KUMBANG MERAH PALMA

Kumbang Merah Palma adalah serangga perosak utama tanaman palmae termasuklah kelapa. Kehadirannya mula dikesan di Terengganu pada tahun 2007 dan sehingga kini telah tersebar hampir ke seluruh negara. Serangan kumbang ini mampu menyebabkan pokok mati dan ia telah diwartakan sebagai Perosak Berbahaya pada 20 Julai 2011.



RUMPUT PARTHENIUM

Kelihatan seperti Ulam Raja ketika belum matang, Parthenium boleh menyebabkan tindak balas alahan terhadap manusia dan ternakan. Tumbuhan ini bersifat alelopati iaitu membebaskan bahan kimia yang mengganggu pertumbuhan tanaman lain. IAS ini mula dikesan pada tahun 2013 di Selangor dan telah tersebar ke beberapa negeri lain di Semenanjung Malaysia.

PENYAKIT LAYU BAKTERIA PISANG

Kehadiran penyakit yang disebabkan oleh bakteria *Ralstonia solanacearum* species complex ini mula dilaporkan di Malaysia pada tahun 2007. Serangan penyakit ini boleh mengancam industri penanaman pisang di Malaysia.

